



Mohd Al Hafizi menerima Anugerah Pekerja Cemerlang yang disampaikan oleh Menteri KPWKM, Dato' Rohani Abdul Karim, pada tahun 2012.



Turut sama turun padang dalam salah satu program bantuan JKJM.

BIODATA

Nama: Mohd Al Hafizi Abu Bakar
Umur: 32 tahun
Jawatan: Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Daerah Kuala Langat, Ketua Unit Kanak-Kanak Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kuala Langat
Pendidikan: Diploma Kaunseling/Sijil Tafsirul Quran (Major Tafsir Al Quran)



Dari hiburan ke komuniti

Mohd Al-Hafizi tabur bakti pada masyarakat, membantu seikhlas hati

KUALA LANGAT - Sebenarnya saya pernah bekerja sebagai pegawai perhubungan awam di sebuah syarikat perfileman dan terlibat dengan penggambaran bagi filem Jangan Pandang Belakang dan kemudian bertukar ke syarikat Les'Copaque Production sebagai eksekutif pemasaran produk," demikian cerita Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Daerah Kuala Langat, Mohd Al Hafizi Abu Bakar.

Menurutnya, terlibat dalam bidang produksi yang mengeluarakan produk Upin dan Ipin pada ketika itu selain berjaya membawa Upin dan Ipin ke TV9 bagi siaran pertamanya sebanyak enam episod berdurasi lima minit setiap siaran ternyata sangat memberi kesan kepada dirinya.

"Apakah tidaknya, dedikasi dan kasih sayang terhadap syarikat, terlahirlah salah satu watak dalam animasi itu menggunakan karakter dan nama saya 'Fizi' yang bagi saya amat membanggakan."

"Namun, selepas itu, saya menerima tawaran jawatan sebagai Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat pada hujung Disember 2007.

"Awalnya saya agak keberatan untuk terima kerana perbezaan gaji yang ketara berbanding gaji sedia ada sebagai eksekutif produksi di Les'Copaque tapi bila ayah pesan, 'engkuang pergila kerja kerajaan ni adik, jaga kebajikan orang banyak pahalanya, gaji pun berkat,' katanya permintaan ayahnya perlu dituruti.

Katanya lagi, kebetulan pula beliau diantar bertugas ke

Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Sabak Bernam, yang jauh dari bandar dan perlukan menjalankan kerja-kerja fisik sifatnya kes ke dalam kampung.

"Enam bulan pertama saya sukar terima perubahan ini, tapi tak sangka hampir lima tahun jugalah berbakti di Sabak Bernam sebelum bertukar ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kuala Langat melalui tiga kali permohonan.

"Alhamdulillah, permohonan saya diluluskan atas sebab saya mahu pulang ke kampung dan menjaga bapa yang semakin uzur. April 2011 saya mulakan tugas di Kuala Langat hingga ke hari ini. Empat bulan bertugas di sini, ayah meninggal dunia," katanya sebak.

Ikhlas bantu masyarakat

Sebagai kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang baru berkhidmat 10 tahun, Mohd Al Hafizi banyak terlibat dengan tugas yang mencabar, antaranya Operasi Pusat Pemindahan Tragedi Tanah Runtuh di Bukit Antarabangsa pada 2008 dan banjir besar di Daerah Kuala Langat pada penghujung 2012.

"Masa tu hanya ALLAH sahaja yang tahu apa yang kami rasa dan profesi kami ni banyak orang katakan, buat lah amal jariah, banyak pahalanya."

"Kadang-kadang ada yang salah anggap bahawa orang kerja di JKM ini semuanya boleh selesaikan masalah," katanya yang berpendapat pemikiran itu perlu



diperbetulkan. Pernah sekali, beliau dihubungi seorang perjuji pada jam 2.30 pagi, memberitahu terdapat keluarga yang sudah hampir empat hari terputus bekalan makanan dan minum disebabkan ibu bapa anak-anak tersebut meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya.

Menurutnya, sebaik sahaja sampai, keadaan lima beradik berumur dua hingga 13 tahun hanya berbekalkan beras yang dikurniayi-kurniayi bersama ikatan goreng yang diberikan jiran tiga hari sebelumnya.

"Dengan nada sedih, anak sultang daripada lima beradik berkata mereka tak ada makaman dan saudara maha pun tak mampu dan mereka pun susah, jadi saya bawa anak-anak ini ke pejabat seawal jam 4 pagi dan beri

pakaian, barang-barang mandian dan makanan.

"Terus terang saya katakan, ini adalah sedekah saya yang ikhlas, saya tidak tuntut pun bayaran balik (claim), sedangkan memang ada peruntukan disediakan," katanya.

Jangan mudah ambil hati'

Baginya, apapun pekerjaan yang dijalankan semua ada cabarannya tersendiri dan baginya apabila menjawat jawatan ini, suatu kepuasan yang amat tinggi dalam membantu masyarakat.

"Katanya, bila kita lihat insan yang dibantu dari zero to hero itu memberikan satu benchmark yang tertinggi untuk memastikan setiap perkhidmatan yang disampaikan menepati golongan sasaran yang sebenar.

"Ketahanan mental dan fizikal perlu berada di tahap yang tertinggi bagi menyerap segala tekanan yang dihadapi.

"Sebagai pegawai JKM, saya

amal prinsip 'jangan mudah ambil hati' dengan apa yang berlaku kerana golongan yang kita bantu ini, mereka berada dalam keadaan terdesak dan memerlukan sokongan dalam kadar segera.

"Tetapi, prosedur jabatan tetap perlu dijaga dengan mengambil ia sebagai tanggungjawab yang paling utama," katanya.

Pupuk jiwa kebajikan

Mohd Al Hafizi berkata, apabila bekerja di dalam JKM, pertama sekali binalah semangat untuk membantu dan memupuk jiwa kebajikan itu lebih mendalam.

"Bagi pegawai-pegawai yang baru, belajarlah dengan rakan-rakan yang sudah lama, cuba berfikir di luar kotak, maka ia akan memberikan niatjah terhadap perkhidmatan dengan lebih baik.

"Untuk pemohon atau klien jabatan terutama pemohon perkhidmatan JKM, saya berharap agar masyarakat tahu dan fahamilah bidang tugas JKM ini.

"Saya terikat dengan prosedur jabatan dan kadang-kadang ia menghadkan tindakan atau bidang kuasa. Maka bagi pemohon di luar sana, ikutilah prosedur dan fahamilah cara kerja kami dengan baik, insya ALLAH, JKM tidak pernah mengamalkan sikap pilih kasih dalam konteks membantu golongan yang memerlukan ini," katanya.



Mohd Al Hafizi berharap masyarakat tahu dan memahami bidang tugas JKM.